

08 AUG 1996

Langkawi

KAMPUNG TOK SENIK LENGKAPKAN DAYA TARIKAN LANGKAWI

LANGKAWI, 8 Ogos (Bernama) -- "Kampung Dalam Taman", yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, bakal menyertai hampir 10 produk tarikan pelancongan ke pulau percutian bebas cukai ini.

Dibangunkan dengan perbelanjaan kira-kira RM10 juta di atas kawasan seluas empat hektar, kampung itu sememangnya unik berbanding dengan tarikan pelancongan lain di pulau ini.

Dikenali sebagai Kampung Tok Senik, yang terletak kira-kira lapan kilometer dari Pekan Kuah, dianggap unik kerana turut menyediakan kemudahan penginapan untuk pengunjungnya.

Pelawat berpeluang memilih daripada 13 rumah kampung tradisional sebagai tempat penginapan mereka.

Jurucakap pemaju kampung itu, Maju Holding Sdn Bhd, berkata kesemua rumah berkenaan mempunyai segala kelengkapan seperti rumah biasa tetapi penghuninya diberi layanan setaraf dengan hotel.

Katanya setiap rumah mempunyai ciri-ciri rumah tradisional masyarakat Melayu tempatan yang merangkumi dari rekabentuk hingga kepada kemas dalam.

Sebuah restoran dan kafeteria turut disediakan untuk kemudahan pengunjung yang tidak mahu mengotorkan tangan jika memasak sendiri.

Jurucakap itu berkata rumah-rumah tradisional itu dibina berselerak dalam taman berkenaan yang turut dirimbuni pelbagai jenis dan saiz pokok.

Antaranya ialah pokok tebu, kelapa dan buah-buahan tempatan untuk mewujudkan suasana benar sebuah kampung.

Pembinaan kampung itu, yang bermula kira-kira tiga bulan lepas, dianggap bertepatan dengan masanya kerana Langkawi perlu mempelbagaikan daya tarikannya.

Selepas mempunyai akuarium terbesar di Asia, replika helang setinggi 20 meter dan taman bertemakan akua berbumbung yang pertama di negara ini, kemudahan penginapan dalam suasana kampung sebenar seperti yang ditawarkan Kampung Tok Senik melengkapkan daya tarikan pelancongan di pulau ini. --

BERNAMA

ZAA NAK